

21 JUN 1998

Mahathir-senarai

KELUARGA KAYA RAYA KALAU AMALKAN KRONISME, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 21 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata sekiranya beliau mengamalkan nepotisme dan kronisme sudah tentu keluarga beliau sendiri menjadi kaya raya sepanjang beliau menjadi Perdana Menteri.

"Saya boleh tunjukkan keadaan keluarga saya, bahkan diskriminasi ditujukan kepada mereka, malah kalau mereka minta apa-apa saya akan tentukan mereka tidak dapat," katanya.

"Sudah 17 tahun saya menjadi perdana menteri dan kalau saya beri kepada keluarga saya sudah tentu semuanya menjadi kaya raya," katanya semasa menggulung perbahasan di hari terakhir Perhimpunan Agung UMNO ke-52 di Pusat Dagangan Dunia Putra, di sini.

Sebagai contoh, Presidan UMNO itu berkata anak beliau telah dicalonkan untuk menjadi wakil rakyat tetapi beliau menolaknya atas alasan dia tidak layak.

Beliau mengakui bahawa anak-anak beliau mendapat peruntukan saham syarikat tetapi itu tidak boleh dianggap kronisme kerana mereka mendapat tidak sebanyak orang lain.

Dr Mahathir berkata demikian sebagai membuat perbandingan dengan sebuah negara jiran di mana anak-anak kepada bekas pemimpin negara itu telah memperolehi semua kontrak hingga mereka menjadi kaya raya.

Mengenai senarai penerima kontrak projek penswastaan kerajaan yang dikeluarkan UMNO semalam, Dr Mahathir berkata ia menunjukkan bukan hanya satu dua orang yang memperolehi faedah tetapi semua orang.

"Macam-macam orang dapat (dari segenap lapisan). Ada orang dapat tiga kali dan itupun bukan kerana dia tetapi dengan orang lain. Ada nama yang kita tak kenalpun dapat dan ini kerana kita nak agih kekayaan pada semua," katanya.

Beliau mengakui memang ada sesetengah orang mendapat (kontrak) lebih kerana kemampuan dan kebolehan dan bukan kerana pilih kasih.

Mereka yang tidak berkemampuan tidak boleh diberi (kontrak kerja) kerana ia akan merosakkan semuanya, katanya dan menambah kerajaan kalau boleh mahu mengagihkan semuanya kepada mereka yang berhak mendapatnya.

Dr Mahathir juga turut meminta maaf kepada Ketua Pemuda UMNO, Datuk Ahmad Zahid Hamidi kerana namanya ada dalam senarai itu.

"Saya minta maaf kepada Zahid kerana namanya terdapat dalam senarai itu tetapi dia sudahpun jelaskan bahawa bukan dia yang dapat tetapi namanya dipinjamkan kepada pergerakan itu sebelum beliau menjadi ketua pergerakan itu," katanya.

Bagaimanapun, Dr Mahathir berkata apabila orang membaca senarai itu ada yang bereaksi: "Ha, diapun sama dapat. Kita selalu mempunyai prasangka terhadap sesuatu sebelum kita periksa dan bila diperiksa sangkaan itu tidak benar sama sekali."

Katanya, sekarang anggota parti tahu bukan satu dua orang sahaja yang dapat tetapi semua yang berkebolehan memperolehinya dan ini bukan sahaja membabitkan projek penswastaan tetapi juga peruntukan saham menerusi syarikat.

Ada anggota parti yang tidak dapat peruntukan saham tetapi ada Tan Sri dan Datuk yang mendapatnya kerana mereka dilantik sebagai pengerusi atau pengarah sesebuah syarikat, katanya.

Beliau berkata ada yang mendapat peruntukan saham yang banyak kerana mereka adakan perjanjian khas dengan syarikat-syarikat bukan Bumiputera

sebagai pengiktirafan penyusunan semula syarikat tersebut telah dibuat.

Katanya, senarai yang dikeluarkan itu adalah sejak 1993 dan jika diteliti lanjut lebih ramai lagi yang memperoleohnya sebelum itu.

-- BERNAMA

ARA oba